



## PRESS RELEASE

---

### SC Introduces Flexibilities to Facilitate the Issue, Offer and Listing of Securities

The Securities Commission (SC) is pleased to announce the introduction of several flexibilities to facilitate the issue, offer and listing of securities by Malaysian companies. The flexibilities are effected through changes and amendments made to certain existing requirements in the SC's "Policies and Guidelines on Issue/Offer of Securities". The flexibilities are introduced in part to support the gradual liberalisation of the Malaysian capital market regulatory framework, as the SC moves towards the implementation of full disclosure-based regulation (DBR). These changes are part of the overall objectives and recommendations in the Capital Market Masterplan of making the Malaysian capital market the preferred fund-raising centre for Malaysian companies and to enhance the efficiency of the overall fund raising process.

In liberalising the regulatory criteria in these areas of issue, offer and listing of securities, the SC has taken note of the less restrictive regulatory framework in other benchmarked jurisdictions, namely, the United States of America, United Kingdom, Australia, Hong Kong and Singapore. The SC is also cognizant of the current weak market conditions which may hinder the process of fund-raising by viable and healthy companies and, to this end, the flexibilities introduced are designed to alleviate some of the problems faced by such companies in raising funds from the capital market.

The flexibilities introduced are summarised below:-

#### **A. Revision to the Historical Profit-Performance Requirement for Initial Public Offerings and Reverse Take-Overs/Back-Door Listings on KLSE**

Currently, a company seeking listing on Kuala Lumpur Stock Exchange (KLSE) is required to fulfil the following historical profit-performance requirement:-

- (i) An uninterrupted record of after-tax profit for each of the past 3 or 5 full financial years;
- (ii) An aggregate after-tax profit of a minimum amount (Main Board: RM30 million/ Second Board: RM12 million) for the past 3 or 5 full financial years; and
- (iii) A minimum after-tax profit of a requisite amount (Main Board: RM8 million/ Second Board: RM4 million) for the most recent financial year.

Thus, the fulfilment of the historical profit-performance requirement is based on either a 3-year or 5-year track record.

Changes have now been made to allow companies seeking listing on KLSE to fulfil the historical profit-performance requirement on the basis of a 4-year track record, in addition to the 3-year or 5-year track record.



## PRESS RELEASE

---

Flexibilities are also given to Government-owned companies to seek listing on KLSE without fulfilling the uninterrupted profit record test of the historical profit-performance requirement. Such companies, however, are still required to fulfil the other 2 tests of having the necessary aggregate after-tax profit and the minimum after-tax profit for the latest financial year. A "Government-owned company", for purposes of the flexibilities, is defined as a company in which the Minister of Finance, by virtue of the Minister of Finance (Incorporation) Act 1957, holds a "Golden Share", at the point of listing, and has equity ownership of more than 50% held either directly or indirectly.

With the changes in the historical-profit performance requirement for companies seeking listing on KLSE, consequential changes have also been made to the track-record requirement governing reverse take-overs and back-door listings on KLSE, to allow for the fulfilment of such requirement on a 4-year basis as well, in addition to the present 3-year or 5-year basis.

### **B. Allowing the Issuance and Listing of Irredeemable Convertible Unsecured Loan Stock (ICULS) as Part of a Flotation Scheme on KLSE**

The issuance and listing of ICULS by companies as part of their flotation scheme on KLSE has generally not been allowed by the SC in the past. Companies seeking listing are now given the flexibility to issue and list ICULS, provided that the newly-introduced requirements pertaining to disclosure, promoter shareholdings, public shareholding spread and conversion price of the ICULS are complied with.

### **C. Abolishing the Preferential Allocation Limit of 10 Lots Per Person for Directors, Employees and/or Other Persons in Relation to a Flotation Scheme on KLSE**

Currently, the SC allows a company seeking listing on KLSE to allocate up to 5% of the company's issued and paid-up capital, under a preferential allocation scheme, to the following:-

- (i) The directors and employees of the company seeking listing as well as directors and employees of its subsidiary/subsidiaries and parent company; and
- (ii) Other persons who have contributed to its success (such as suppliers, distributors, dealers and customers), provided that the shares are allocated to business entities, and not to their officers or employees except where the business entities are sole proprietorships or partnerships.

The preferential allocation, which is also commonly known as "Pink-Form share allocation", was previously limited to 10,000 shares per person.



---

## PRESS RELEASE

---

While the 5% overall limit of the preferential allocation scheme is retained, the limit of 10,000 shares per person has now been removed. Greater disclosure in regard to the allocation would, however, be required to be made in the prospectus issued in conjunction with the listing of the company.

### **D. Removal of the Merit-Based Criteria for Bonus Issues Arising from Capitalisation of Share Premium and Other Reserves**

A company listed on KLSE is now allowed to undertake bonus issues of securities through the capitalisation of share premium as long as the availability of the share premium is verified and confirmed by the external auditors/reporting accountant to the company. The company is no longer required to fulfil the following merit-based criteria stipulated by the SC previously:-

- (i) That the company must be profitable, with an uptrend in profits over the past 3 years and future profits which are able to support the additional shares arising from the bonus issue;
- (ii) That the company must be capable of at least maintaining the absolute quantum of dividend declared and paid in the previous financial year;
- (iii) That the proposal for the bonus issue must be based on annual audited accounts for a full financial year;
- (iv) That, if the share premium arose from a rights issue and/or a public issue, capitalisation can only be done after a lapse of at least one year from the date of such issue; and
- (v) That the resultant enlarged share capital should be fully backed by net tangible assets, exclusive of goodwill.

Listed companies wishing to undertake bonus issues through the capitalisation of revaluation reserves are now also allowed to carry out such exercises under liberal circumstances without the need to fulfil the previously-stipulated merit-based criteria. However, certain requirements on valuation of assets and retention of reserves would have to be complied with.

The flexibilities on the undertaking of bonus issues by listed companies are also accorded to companies seeking listing on KLSE.

### **E. Revision to the Guidelines on Employee Share Option Schemes**

The SC's Guidelines on Employee Share Option Schemes (ESOS) have been fully revised to cater for the establishment of a more market-based and performance-based ESOS by companies. The major revisions include the following:-



## PRESS RELEASE

---

- (i) Removal of the 500,000-share limit per person that can be allocated to directors and employees. Companies would now be allowed to allocate any amount of shares under ESOS, at the discretion of their directors, to individual directors and employees, provided that -
- the total number of shares to be offered under the scheme does not exceed 10% of the issued capital of the company at any one time;
  - not more than 50% of the shares available under the scheme should be allocated, in aggregate, to directors and senior management of the company; and
  - not more than 10% of the shares available under the scheme should be allocated to any individual director or employee who, singly or collectively through his/her associates, holds 20% or more of the issued and paid-up capital of the company.
- (ii) Allowance for the ESOS to be operational for a maximum period of 10 years, instead of 5 years now; and
- (iii) Allowance for the ESOS to be terminated in mid-stream, provided that the By-laws of the ESOS contain a termination clause that empowers the company to terminate, and subject to compliance with certain requirements prescribed by the SC, such as the need to obtain the written consent of all option-holders who have yet to exercise their options.

All the flexibilities introduced are effective with immediate effect and are applicable to new applications to be submitted to the SC and, if so requested and upon re-submission of consequential changes being made to the SC, to applications outstanding with the SC and those applications which have already been approved but pending implementation.

The relevant Guidelines incorporating the flexibilities are available [here](#).

**SECURITIES COMMISSION**  
**10 May 2001**



## PRESS RELEASE

---

### SC Perkenal Kelonggaran untuk Memudahcarakan Terbitan, Tawaran dan Penyenaraian Sekuriti

Suruhanjaya Sekuriti (SC) ingin mengumumkan pengenalan kepada beberapa kelonggaran bagi memudahkan terbitan, tawaran dan penyenaraian sekuriti oleh syarikat tempatan. Kelonggaran tersebut dikuatkuasakan melalui perubahan dan pindaan yang dibuat kepada keperluan sedia ada yang tertentu dalam "Polisi dan Garis Panduan Terbitan/Tawaran Sekuriti" SC. Kelonggaran tersebut diperkenalkan bagi menyokong proses liberalisasi beransur-ansur rangka kerja pengawalseliaan pasaran modal Malaysia, dalam peralihan SC kepada pelaksanaan pengawalseliaan berteraskan penzahiran penuh ("Full Disclosure-Based Regulation"). Perubahan ini adalah sebahagian daripada objektif dan cadangan keseluruhan Pelan Induk Pasaran Modal untuk menjadikan pasaran modal Malaysia pusat penjana dana utama syarikat tempatan dan bagi mempertingkatkan kecekapan keseluruhan proses penjana dana.

Dalam meliberalisasikan kriteria pengawalseliaan dalam bidang terbitan, tawaran dan penyenaraian sekuriti ini, SC telah mengambil kira rangka kerja pengawalseliaan yang kurang ketat dalam bidang kuasa yang diukur rujuk lain, iaitu Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, Hong Kong dan Singapura. SC juga menyedari bahawa keadaan pasaran kini yang lemah menghalang proses penjana dana oleh syarikat yang berdaya maju dan kukuh dan, sehubungan dengan ini, kelonggaran yang diperkenalkan telah dirangka untuk mengelakkan beberapa masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat tersebut dalam menjana dana dari pasaran modal.

Kelonggaran yang diperkenalkan adalah diringkaskan seperti di bawah:

#### **A. Pindaan terhadap Keperluan Prestasi Keuntungan Lepas bagi Tawaran Awam Permulaan dan Pengambilalihan Akas/ Penyenaraian Pintu Belakang di BSKL**

Sekarang ini, sebuah syarikat yang memohon untuk disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dikehendaki memenuhi keperluan prestasi keuntungan lepas yang berikut:

- (i) Rekod keuntungan selepas cukai secara berterusan bagi setiap tiga atau lima tahun kewangan penuh yang lepas;
- (ii) Sejumlah agregat keuntungan selepas cukai minimum (Papan Utama: RM30 juta/Papan Kedua: RM12 juta) bagi 3 atau 5 tahun kewangan penuh yang lepas; dan
- (iii) Keuntungan minimum selepas cukai yang disyaratkan (Papan Utama: RM8 juta/ Papan Kedua: RM4 juta) bagi tahun kewangan yang terkini.

Oleh itu, pemenuhan keperluan prestasi keuntungan yang lepas adalah berdasarkan kepada rekod pencapaian 3 tahun atau pun 5 tahun.



## PRESS RELEASE

---

Perubahan telah dibuat bagi membenarkan syarikat-syarikat memohon untuk disenaraikan di BSKL berasaskan kepada rekod pencapaian 4 tahun, sebagai tambahan kepada rekod pencapaian 3 tahun atau 5 tahun.

Kelonggaran juga diberikan kepada syarikat milik Kerajaan yang memohon untuk disenaraikan di BSKL tanpa memenuhi ujian rekod keuntungan secara berterusan keperluan prestasi keuntungan lepas. Walau bagaimanapun, syarikat berkenaan masih perlu memenuhi dua lagi ujian iaitu mempunyai agregat minimum keuntungan selepas cukai yang diperlukan dan keuntungan selepas cukai minimum bagi tahun kewangan terkini. Sebuah "syarikat milik Kerajaan", bagi tujuan kelonggaran tersebut, ditakrifkan sebagai sebuah syarikat yang mana Menteri Kewangan, mengikut Akta Menteri Kewangan (Perbadanan) 1957, memegang "Saham Emas", ketika penyenaian, dan mempunyai pemilikan ekuiti melebihi 50% yang dipegang secara langsung atau tidak.

Dengan perubahan dalam keperluan prestasi keuntungan lepas bagi syarikat yang memohon untuk disenaraikan di BSKL, perubahan seterusnya juga telah dibuat terhadap keperluan rekod pencapaian bagi pengambilalihan akas dan penyenaian pintu-belakang di BSKL, untuk membenarkan juga pemenuhan keperluan sedemikian berasaskan tempoh 4 tahun, di samping berasaskan tempoh 3 tahun atau 5 tahun.

### **B. Membenarkan Penerbitan dan Penyenaian Stok Pinjaman Tak Bercagar Boleh Tukar Tak Boleh Tebus (ICULS) sebagai Sebahagian daripada Skim Pengapongan di BSKL**

Penerbitan dan penyenaian ICULS oleh syarikat sebagai sebahagian daripada skim pengapongan mereka di BSKL secara umumnya tidak dibenarkan oleh SC pada masa lepas. Syarikat yang memohon untuk disenaraikan kini diberikan kelonggaran untuk menerbitkan dan menyenaikan ICULS, dengan syarat keperluan yang baru diperkenalkan berkaitan penzahiran, pegangan saham penganjur, tebaran pegangan saham awam dan harga pertukaran ICULS dipatuhi.

### **C. Pemansuhan Had Peruntukan Keutamaan 10 Lot Setiap Orang bagi Pengarah, Kakitangan dan/atau Orang Lain yang Berkaitan dengan sesuatu Skim Pengapongan di BSKL**

Sekarang ini, SC membenarkan sebuah syarikat yang memohon untuk disenaraikan di BSKL memperuntukkan sehingga 5% daripada modal diterbitkan dan berbayar syarikat, bawah skim peruntukan keutamaan, kepada pihak-pihak yang berikut:

- (i) Para pengarah dan kakitangan syarikat yang memohon untuk disenaraikan serta pengarah dan kakitangan subsidiari dan syarikat induk syarikat yang memohon untuk disenaraikan tersebut; dan

## PRESS RELEASE

---

- (ii) Orang lain yang telah menyumbang kepada kejayaannya (seperti pembekal, pengedar, peniaga dan pelanggan), dengan syarat saham-saham yang diperuntukkan adalah kepada entiti perniagaan, dan bukan kepada pegawai atau kakitangan entiti perniagaan tersebut, kecuali entiti perniagaan adalah pemilik tunggal atau perkongsian.

Peruntukan keutamaan, yang juga dikenali sebagai "peruntukan saham Borang Merah Jambu" ("Pink-form share allocation"), sebelum ini dihadkan kepada 10,000 saham setiap orang.

Sementara 5% had keseluruhan skim peruntukan keutamaan dikekalkan, had 10,000 saham setiap orang telah dimansuhkan. Penzahiran yang lebih meluas berkenaan peruntukan tersebut, walau bagaimanapun, perlu dilakukan dalam prospektus yang diterbitkan sehubungan dengan penyenaian syarikat tersebut.

### **D. Pemansuhan Kriteria Berteraskan Merit bagi Terbitan Bonus Melalui Permodalan Premium Saham dan Rizab Lain**

Syarikat yang tersenarai di BSKL sekarang dibenarkan untuk melaksanakan terbitan bonus sekuriti melalui permodalan premium saham asalkan premium saham tersebut disahkan oleh juruaudit luaran/akauntan pelapor syarikat. Syarikat tersebut tidak lagi perlu memenuhi kriteria berteraskan merit berikut yang ditetapkan oleh SC sebelum ini:

- (i) Bahawa syarikat mesti mempunyai keuntungan, dengan arah aliran menaik bagi keuntungan sepanjang 3 tahun yang lepas dan keuntungan akan datang yang boleh menyokong saham tambahan yang timbul dari terbitan bonus;
- (ii) Bahawa syarikat mesti berupaya mengekalkan sekurang-kurangnya jumlah dividen yang diumumkan dan dibayar dalam tahun kewangan yang lepas;
- (iii) Bahawa cadangan bagi terbitan bonus mesti berdasarkan akaun tahunan yang diaudit bagi tahun kewangan penuh;
- (iv) Bahawa, sekiranya premium saham timbul daripada sesuatu terbitan hak dan/atau terbitan awam, permodalan hanya boleh dilakukan selepas sekurang-kurangnya satu tahun dari tarikh terbitan tersebut; dan
- (v) Bahawa modal saham yang diperbesarkan hendaklah disokong sepenuhnya oleh aset ketara bersih, tidak termasuk amaun muhibah.

Syarikat tersenarai yang ingin melaksanakan terbitan bonus melalui permodalan rizab penilaian semula sekarang juga dibenarkan untuk melaksanakan cadangan tersebut bawah keadaan yang liberal tanpa perlu memenuhi kriteria berteraskan merit yang ditetapkan sebelum ini. Walau bagaimanapun, keperluan tertentu mengenai penilaian aset dan pengekal rizab harus dipatuhi.



## PRESS RELEASE

---

Kelonggaran dalam melaksanakan terbitan bonus oleh syarikat tersenarai juga diberikan kepada syarikat yang memohon untuk disenaraikan di BSKL.

### E. Pindaan terhadap Garis Panduan Skim Opsyen Saham Pekerja

Garis Panduan SC mengenai Skim Opsyen Saham Pekerja (ESOS) telah disemak semula sepenuhnya bagi membantu penubuhan ESOS yang lebih berpandukan pasaran dan prestasi oleh syarikat-syarikat. Pindaan penting merangkumi perkara-perkara berikut:

- (i) Pemansuhan had 500,000 saham seseorang yang diperuntukkan kepada pengarah dan kakitangan. Syarikat kini dibenarkan memperuntukkan sebarang jumlah saham bawah ESOS, atas budi bicara pengarah mereka, kepada setiap pengarah dan kakitangan, dengan syarat -
  - jumlah bilangan saham yang ditawarkan bawah skim tersebut tidak melebihi 10% daripada modal terbitan syarikat pada bila-bila masa;
  - tidak lebih 50% daripada saham yang tersedia bawah skim tersebut boleh diperuntukkan, secara agregat, kepada pengarah dan pengurusan kanan syarikat; dan
  - tidak lebih 10% daripada saham yang tersedia bawah skim tersebut harus diperuntukkan kepada mana-mana pengarah atau kakitangan yang, secara sendirian atau secara bersama melalui sekutunya, memegang 20% atau lebih modal diterbitkan dan membayar syarikat.
- (ii) Kebenaran bagi sesuatu ESOS beroperasi bagi tempoh maksimum 10 tahun, dan bukan 5 tahun sebelum ini; dan
- (iii) Kebenaran bagi sesuatu ESOS yang sedang terlaksana untuk ditamatkan, dengan syarat Undang-Undang Kecil ESOS tersebut mengandungi fasal penamatan yang memberi kuasa kepada syarikat untuk menamatkan, dan tertakluk kepada pematuhan keperluan tertentu yang ditetapkan oleh SC, seperti keperluan untuk mendapatkan kebenaran bertulis semua pemegang opsyen yang belum lagi melaksanakan opsyen mereka.

Kesemua kelonggaran yang diperkenalkan adalah berkuat kuasa dengan serta merta dan diguna pakai bagi permohonan baru yang akan dikemukakan kepada SC dan juga terhadap permohonan yang telah dikemukakan kepada SC atau yang telah diluluskan tetapi belum dilaksanakan, sekiranya permintaan dibuat kepada SC bagi perubahan kepada cadangan tersebut.

Garis Panduan - garis panduan berkaitan yang mengandungi kelonggaran tersebut boleh didapati di sini.

**SURUHANJAYA SEKURITI**  
**10 Mei 2001**